

19/06/1999

Anwar guna `virtual IMF' bagi jatuhkan kepemimpinan

DATUK Seri Anwar Ibrahim menggunakan jawatannya sebagai Menteri Kewangan untuk melaksanakan `virtual IMF' (Tabung Mata Wang Antarabangsa Maya) ketika negara dilanda kegawatan ekonomi bagi menjatuhkan pucuk pimpinan parti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beliau dan anggota Kabinet lain tidak menyoal atau menghalang pendekatan bekas timbalannya itu kerana mereka tidak menyedari niat Anwar itu.

"Beliau menaikkan faedah pinjaman, mengurangkan kredit, memendekkan tempoh dari enam bulan kepada tiga untuk mengisytiharkan hutang menjadi lapuk dan menarik balik wang yang dipinjamkan kepada bank apabila Kabinet mengarah supaya rizab berkanun bank dikurangkan sebagai cara menambah wang dalam bank.

"Belanjawan kerajaan pula dikurangkan 21 peratus dan dengan ini rancangan pembangunan kerajaan terpaksa dihentikan. Kontraktor Bumiputera terutamanya dan kontraktor lain tidak lagi mendapat kontrak, bahkan kontrak yang telah diberi ditamatkan. Mereka dan pembekal mereka tidak lagi ada perniagaan dan pendapatan," katanya ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dengan tindakan ini, kegawatan yang sudah teruk menjadi lebih teruk dan pemerhati asing meramalkan Malaysia tetap akan meminta pertolongan IMF dan menerima syarat serta pendekatannya untuk menangani kegawatan, pendekatan yang kini diakui oleh IMF sendiri memburukkan lagi ekonomi negara yang diserang oleh penyangak mata wang.

"Tetapi kita masih juga tidak menaruh syak wasangka terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, harapan bekas Menteri Kewangan itu ialah dengan ekonomi menjadi lebih teruk dan kerajaan disalahkan oleh rakyat, terutama Perhimpunan Agung Umno pada 1998, maka presiden parti akan undur.

"Bukankah Presiden sudah memberi pengakuan bahawa dia akan undur jika dia tidak mendapat sokongan lagi, khususnya sokongan Umno dalam perhimpunan agungnya," katanya.

Malangnya, bagi perancangan strategi itu perhimpunan agung berkenaan tidak menunjukkan tentangan mereka kepada presiden, walaupun pada persidangan itu Ketua Pemuda Umno ketika itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi dengan lantang menuduh kerajaan mengamalkan nepotisme, kronisme dan lain-lain.

"Perwakilan jelas memberi kepercayaan kepada presiden. Kepercayaan ini menyebabkan presiden tidak undur. Dengan ini percubaan untuk menjatuhkan pucuk kepimpinan, supaya orang nombor dua dapat mengambilalih tempatnya, gagal," katanya.

(END)